

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 24 FEBRUARI 2026, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1551-L16012
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
 - (a) punca kelewatan dan langkah meningkatkan pengurusan projek luar bandar setanding dengan bandar; dan
 - (b) apakah punca utama projek jalan desa, bekalan air dan elektrik luar bandar sering lewat siap dan berkualiti rendah berbanding projek bandar.
2. PN-1551-L16187
Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan isu teknikal dan diplomatik dalam proses penetapan sempadan pertikaian antara Malaysia dengan Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina dan China agar penguatkuasaan zon maritim, udara dan darat lebih berkesan serta sifar pencerobohan.
3. PN-1551-L15536
Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan kepada masyarakat Bumiputera Siam dalam tempoh tiga tahun terakhir sehingga tahun 2025 bagi meningkatkan sosioekonomi mereka.
4. PN-1551-L16213
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mengawal dan mencegah peningkatan kes HIV dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi yang mana telah merekodkan 1091 kes sejak tahun 2020 sehingga tahun 2024 dan menunjukkan trend yang membimbangkan.

5. PN-1551-L15823
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memanfaatkan penggunaan teknologi kos rendah, sesuai guna dan lestari untuk meningkatkan produktiviti serta kualiti hidup komuniti luar bandar.
6. PN-1551-L16164
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kita bersedia menangani kebakaran teruk seperti yang berlaku di Tai Po, Hong Kong pada hujung tahun 2025, memandangkan bangunan-bangunan di negara ini semakin bertambah tinggi.
7. PN-1551-L16283
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini tahap kekuatan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) di sempadan Perlis-Thailand khususnya bagi memerangi jenayah rentas sempadan dan penyeludupan.
8. PN-1551-L15776
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
 - (a) petunjuk prestasi utama, sasaran sektoral dan mekanisme pemantauan bagi memastikan kejayaan Tahun Melawat Malaysia 2026, khususnya impak positif secara langsung dan tidak langsung; dan
 - (b) penciptaan nilai kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) domestik serta ekonomi negara.
9. PN-1551-L16362
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk menambah kemudahan tempat letak kereta di Hospital Sarikei, dan apakah kerja-kerja naik taraf yang akan dilaksanakan di hospital tersebut pada tahun ini.
10. PN-1551-L15576
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah implikasi langsung kepada Kerajaan Negeri sekiranya Perkara 5.2.3 berkenaan *critical minerals* dikuatkuasakan, memandangkan *critical minerals* termasuk di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II, Kerajaan Negeri dan bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

11. PN-1551-L15966

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah bekalan beras putih sama ada tempatan atau import yang diagihkan ke Sabah setakat suku ketiga 2025 dan berapakah peratus kebergantungan terhadap import serta apakah peranan dan pelan Kementerian untuk menstabilkan harga beras di Sabah berbanding Semenanjung Malaysia.

12. PN-1551-L16107

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menangani banjir kilat terutamanya di kawasan bandar memandangkan banjir kilat merupakan punca utama kepada kejadian banjir di Malaysia.

13. PN-1551-L15895

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah pemantauan serta-merta yang diambil oleh Kawalselia Padi dan Beras (KPB) terhadap kilang swasta yang didakwa mengenakan potongan pemutuan padi tidak munasabah hingga membebankan pesawah.

14. PN-1551-L15935

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme yang dilaksanakan oleh agensi keselamatan untuk memantau dan mencegah ajaran kultus yang berpotensi memesongkan akidah serta menggugat keharmonian masyarakat majmuk.

15. PN-1551-L16066

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) jumlah sebenar dana R&D Lynas yang telah disalurkan kepada institusi penyelidikan tempatan mengikut pecahan tahun 2014-2026; dan
- (b) senarai Pemindahan Teknologi Tinggi dan Paten atau Harta Intelek (IP) antara Lynas dengan agensi Kerajaan dan institusi penyelidikan tempatan.

16. PN-1551-L16263

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berkenaan bilangan dan taburan jururawat berkelayakan *post basic* kejururawatan gerontologi mengikut negeri, nisbah optimum keperluan tenaga kerja selaras Malaysia ke arah negara menua; dan
- (b) jumlah fasiliti Institut Latihan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) yang menawarkan bidang ini dan pengambilan berbanding kapasiti latihan serta perancangan memperluaskan kapasiti latihan.

17. PN-1551-L16040

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) sama ada meminta semua PBT melaksanakan siaran langsung bagi setiap prosedur pemberian kontrak melalui tender atau sebut harga untuk mencerminkan integriti dan ketelusan; dan
- (b) pendirian Kerajaan Persekutuan tentang penyelarasan undang-undang kecil PBT dan pengurusan strata berkaitan larangan menyeluruh dan pertikaian komuniti.

18. PN-1551-L15913

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan Pelan Pembangunan Orang Asli khususnya daripada segi peningkatan pendapatan dan penyediaan infrastruktur asas yang lengkap di perkampungan Orang Asli.

19. PN-1551-L15684

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengimbangi hubungan negara dengan kuasa-kuasa besar yang berbeza dasar dan hala tuju bagi memastikan bahawa negara tidak terikat oleh kuasa atau kuasa-kuasa besar tertentu.

20. PN-1551-L16322

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian bagi memastikan kurikulum Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kekal relevan, responsif dan selari dengan kepantasan evolusi teknologi kecerdasan buatan serta keperluan industri semasa.

21. PN-1551-L16001

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kerajaan mengimbangi kepentingan ekonomi pelancongan dengan hak penduduk tempatan untuk menikmati persekitaran hidup yang selamat dan mampan; dan
- (b) sejauh manakah pihak berkuasa tempatan diberi kuasa untuk menghadkan aktiviti pelancongan demi melindungi kepentingan penduduk setempat.

22. PN-1551-L15879

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan akses jalan raya yang lebih baik di pedalaman negeri Kelantan khususnya di Jajahan Kuala Krai dan Gua Musang berikutan kesukaran yang dihadapi oleh masyarakat termasuk para guru dan murid.

23. PN-1551-L15593

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bersedia menggubal undang-undang yang lebih keras dalam menangani isu rumah ibadat tidak berlesen yang dibina sewenang-wenangnya; dan
- (b) sejauh manakah pembinaan kuil haram memberi kesan kepada hubungan antara kaum di Malaysia.

24. PN-1551-L15614

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status pelaksanaan program keboleh pasaran graduan di universiti awam di negeri Sabah.

25. PN-1551-L15739

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memudahkan peralihan sektor tradisional tempatan ke sektor baharu termasuk industri hijau dan kenderaan elektrik (EV) merangkumi insentif semasa, bantuan peralatan sokongan, latihan semula tenaga kerja serta panduan pematuhan kelestarian mampan seperti prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environmental, Social and Governance).

26. PN-1551-L15751
Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menyemak semula dan menyeragamkan gaji kaunselor atau Ahli Majlis di seluruh negara untuk memastikan elaun setimpal dengan kos sara hidup, skop tugas yang luas dan terus berdaya saing berkhidmat dengan lebih berkesan.
27. PN-1551-L15760
Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah konkrit Kementerian untuk mengurangkan risiko banjir dan tanah runtuh serta bagaimana keberkesanan langkah ini dipantau dan diukur.
28. PN-1551-L15880
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan halangan dan kesukaran utama yang dihadapi oleh Kerajaan dalam menangani masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang kelihatan masih berleluasa di dalam negara kita walaupun pelbagai usaha telah dilakukan.
29. PN-1551-L15920
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kementerian menyelaraskan dengan Kerajaan Negeri dalam menangani isu status pemilikan tanah bagi pelaksanaan skim bantuan pembinaan rumah seperti Rumah Mesra Rakyat dan Program Perumahan Rakyat di kawasan Tanah Warta Orang Asli.
30. PN-1551-L15652
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk memperkenalkan teknologi digital atau platform pintar dalam pelaksanaan Rukun Tetangga Progresif pada tahun ini bagi meningkatkan penglibatan komuniti, pemantauan keselamatan, dan penyampaian maklumat secara lebih efisien.
31. PN-1551-L15688
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah segera bagi pelaksanaan kursus umum universiti yang meliputi pengajian Perlembagaan Persekutuan dan Sejarah sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

32. PN-1551-L16299

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme Kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi memastikan persempadanan semula tidak membawa amalan *gerrymandering* sebaliknya mencerminkan prinsip satu pengundi satu undi yang seimbang demi nilai perwakilan.

33. PN-1551-L16350

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Malaysia dalam menarik Pelaburan Terus Asing (FDI) berkualiti tinggi yang menjana pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat tempatan.

34. PN-1551-L15993

Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pegawai polis dan pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang telah disabitkan kesalahan menerima rasuah; dan
- (b) jumlah wang yang terlibat dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu ini.

35. PN-1551-L15916

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah pembangunan ekonomi nasional memastikan masyarakat Orang Asli tidak tercicir dan turut menerima manfaat secara adil; dan
- (b) apakah bantuan Kerajaan yang boleh diperoleh untuk pembangunan ekonomi khususnya yang melibatkan tanah yang belum diwartakan.

36. PN-1551-L16039

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) menyatakan langkah-langkah segera mengurangkan kesesakan hospital/klinik di Selangor (masa menunggu, kekurangan pakar/jururawat) termasuk penambahan *step-down care* dan penggunaan klinik komuniti; dan

- (b) langkah-langkah mempercepat akses rawatan kesihatan mental (terutama remaja bandar), termasuk kapasiti kaunselor, klinik kesihatan, dan integrasi dengan sekolah/komuniti.
37. PN-1551-L16172
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) bagi memastikan minyak sawit Malaysia terus diterima tanpa diskriminasi khususnya dalam konteks peningkatan piawaian keselamatan global.
38. PN-1551-L16285
Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah dasar semasa Kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL bagi penggunaan atau penukaran premis kediaman untuk tujuan perniagaan bagi meningkatkan aktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Kuala Lumpur; dan
- (b) apakah garis panduan atau prosedur terkini yang ditetapkan oleh DBKL untuk pemilik premis kediaman yang ingin menukar status hartanah mereka bagi tujuan tersebut.
39. PN-1551-L16183
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-
- (a) status terbaharu pelaksanaan kajian penambahan bilangan Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh negara; dan
- (b) apakah kriteria yang ditetapkan bagi melayakkan pembinaan Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan itu di sesebuah kawasan.
40. PN-1551-L15949
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini rumah mampu milik yang gagal diduduki akibat isu lokasi, harga tersembunyi dan kemudahan asas.

41. PN-1551-L16260

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah kes serta bilangan individu bekas suami yang gagal mematuhi perintah Mahkamah Sivil berkaitan pembayaran nafkah kepada bekas isteri dan anak bagi tahun 2023 hingga 2025 mengikut pecahan negeri; dan
- (b) daripada jumlah tersebut, berapakah yang melibatkan nafkah anak dan berapakah yang melibatkan nafkah bekas isteri jika berasingan.

42. PN-1551-L16077

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah hasil penyelidikan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) khususnya dalam kalangan Universiti Penyelidikan (RU) telah diterjemahkan kepada impak ekonomi, sosial dan dasar negara berbanding pencapaian berbentuk jumlah penerbitan dan kedudukan ranking sahaja.

43. PN-1551-L15617

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah pendirian serta langkah diplomatik Kerajaan Malaysia berhubung laporan bahawa tiga buah kampung di Nunukan, Kalimantan Utara, Indonesia didakwa telah memasuki wilayah Malaysia.

44. PN-1551-L16311

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) justifikasi Kerajaan membenarkan penyelesaian kes rasuah profil tinggi melalui pemulihan aset dan kompaun tanpa pendakwaan mahkamah sebagaimana kebimbangan Transparency International Malaysia (TI-Malaysia); dan
- (b) sejauh mana pendekatan ini memberi kesan terhadap skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) serta prinsip akauntabiliti negara.

45. PN-1551-L16399

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik kemasukan pelancong luar ke Sabah dan rancangan Kementerian untuk memastikan industri pelancongan di Sabah tidak dimanipulasi oleh pelabur luar semata-mata dan bentuk kerjasama yang telah diadakan bersama francais tempatan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

46. PN-1551-L16059

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan mengenai status terkini pelaksanaan sistem Bestinet, adakah Kementerian bercadang untuk menilai semula atau menamatkan sistem tersebut serta apakah langkah-langkah penambahbaikan yang akan diambil bagi memastikan sistem ini lebih telus, cekap dan berintegriti.

47. PN-1551-L15979

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **PERDANA MENTERI** menyatakan proses pemilihan dan kriteria wakil ahli Parlimen Belia khususnya dari Sabah yang mewakili pelbagai latar belakang termasuk belia luar bandar, kepelbagaian etnik dan komuniti marginal, apakah peranan mereka serta langkah Kerajaan bagi memastikan program ini memberi peluang sebenar kepada belia untuk penglibatan, kepimpinan dan pembangunan belia di negara ini agar suara mereka di Parlimen benar-benar inklusif dan berkesan.

48. PN-1551-L16262

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah sistem P.A.C.E.D boleh menjamin ketelusan harga di hospital-hospital swasta dan mengekang inflasi kos perubatan swasta; dan
- (b) apakah kaedah atau mekanisme yang digunakan dan jangka masa untuk mewajibkan pengguna sistem baru ini.

49. PN-1551-L16114

Senator Dato' Wu Him Ven minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah dividen tahunan yang telah disumbangkan oleh PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2016-2025, serta jumlah unjuran bagi tahun 2026 dan sejauh manakah Kerajaan membenarkan PETRONAS mengekalkan perbelanjaan modal (CAPEX) yang mencukupi untuk melabur dalam projek laut dalam (deepwater) dan transisi penyahkarbonan; dan
- (b) status terkini dan pencapaian PETRONAS dalam projek Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS), khususnya di lapangan Kasawari, serta bagaimana Kementerian memastikan pelaburan hijau ini tidak menjejaskan daya saing PETRONAS sebagai pengeluar LNG utama dunia di tengah-tengah persaingan global yang sengit.

50. PN-1551-L15577

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah provisi atau perkara di bawah Perjanjian Timbal Balik Malaysia-Amerika Syarikat (ART 2025) yang mempertahankan kedaulatan Malaysia seperti diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

51. PN-1551-L16417

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah graduan profesional masyarakat India dalam bidang kritikal seperti doktor, jurutera, saintis dan pakar teknologi bagi lima tahun terkini; dan
- (b) berapa peratus peningkatan tahunan dan sasaran nasional kerajaan menjelang tahun 2030.

52. PN-1551-L15809

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu pekebun kecil di luar bandar Sarawak, termasuk dari aspek jaminan hak milik tanah, penyediaan input pertanian serta akses kepada pasaran hasil bagi meningkatkan pendapatan komuniti setempat; dan
- (b) adakah terdapat petani-petani berjaya di Sarawak yang boleh dijadikan contoh untuk diikuti oleh masyarakat petani di negara ini.

53. PN-1551-L15829

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai dasar strategik yang jelas untuk memastikan promosi, pertukaran budaya dan pelancongan warisan negara kekal berkecuali, bebas daripada pengaruh geopolitik serta selari dengan dasar luar negara yang menekankan prinsip saling menghormati dan keamanan serantau.

54. PN-1551-L15933

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mekanisme peralihan kepada pasport dan MyKad baharu yang dirancang bagi memastikan tidak membebankan rakyat serta mengelakkan kesesakan di Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara.

55. PN-1551-L15901
Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dokumen atau bukti tambahan yang disarankan oleh Kementerian untuk disertakan dalam permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan, terutamanya bagi kes-kes mendesak seperti keganasan rumah tangga, tiada kewarganegaraan, atau ibu tunggal bagi memastikan pertimbangan yang adil.
56. PN-1551-L16026
Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan boleh memastikan bahawa pemilik dan penyewa bangunan yang membayar cukai taksiran DBKL diberi hak untuk menyewa tapak parkir di hadapan premis sendiri dan nyatakan mekanisme serta garis masa pelaksanaan dasar ini.
57. PN-1551-L16257
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan terkini Kerajaan dalam menaik taraf atau membina baru Klinik Kesihatan Paka.
58. PN-1551-L15854
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah segera dan perancangan Kerajaan dalam menangani masalah gangguan bekalan air bersih yang berpanjangan di Kampung Orang Asli Paya Mengkuang, Temerloh di Pahang yang menjejaskan urusan harian penduduk termasuk kebersihan dan keperluan kanak-kanak bersekolah serta golongan rentan seperti orang kurang upaya.
59. PN-1551-L16237
Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana sistem *Price, Admission and Clinical Electronic Datahub* dapat membantu rakyat menikmati rawatan di hospital swasta tanpa ketidaktentuan caj atau keaburan serta membina ekosistem lebih adil dalam piawaian caj rawatan dan kesihatan di kemudahan kesihatan swasta.
60. PN-1551-L15986
Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan untuk memastikan perwakilan dalam sektor perkhidmatan awam lebih adil dan mencerminkan kepelbagaian kaum di Malaysia memandangkan terdapat ketidakseimbangan kaum dalam sektor ini.

61. PN-1551-L15798

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status semasa Wabak Nipah dan apakah langkah-langkah pencegahan serta pemantauan yang diambil bagi memastikan wabak ini tidak menjejaskan pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia termasuk keselamatan pelancong dan pekerja industri pelancongan serta apakah protokol kesihatan khusus yang telah disediakan bagi memastikan risiko jangkitan dikawal tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi pelancongan.

62. PN-1551-L15939

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis panduan rasmi dan mekanisme penguatkuasaan bagi memastikan larangan hidangan alkohol dipatuhi sepenuhnya dalam semua acara rasmi Kerajaan.

63. PN-1551-L15578

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah usaha dan keberkesanan tindakan Kerajaan dalam penguatkuasaan ke atas larangan merokok secara terbuka, penggunaan rokok elektronik ataupun vape di premis-premis awam; dan
- (b) adakah Kerajaan akan memperhalusi semula dasar *sin tax* (cukai budaya tidak sihat) agar lebih berkesan.

64. PN-1551-L16307

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penilaian semasa Kementerian terhadap tahap kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur yang semakin kritikal, serta sejauh manakah Traffic Impact Assessment (TIA) yang diseliasa oleh Kementerian berfungsi secara berkesan.

65. PN-1551-L16057

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam mengatasi masalah sakit mental di kalangan pegawai dan anggota polis yang meningkat begitu mendadak sejak kebelakangan ini akibat tekanan hidup dan kerja hingga mengakibatkan berlakunya kejadian bunuh diri di kalangan pegawai dan anggota polis.

66. PN-1551-L16397

Senator Datuk Nelson W Angang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pengiktirafan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dijadikan asas pembentukan Malaysia, khususnya dalam konteks Sabah sebagai rakan kongsi setara, dan apakah asas undang-undang yang membolehkan Akta Persekutuan selepas 1963 mempunyai keutamaan melebihi hak-hak yang telah dipersetujui dalam Perjanjian MA63.

67. PN-1551-L16135

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk tahun 2026 bagi latihan, pengambilan dan penempatan doktor pakar di fasiliti kesihatan awam serta bilangan keperluan sebenar pakar mengikut bidang kepakaran utama termasuk jurang semasa antara bilangan pakar sedia ada dan keperluan nasional.

68. PN-1551-L15633

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) senarai 14 Kementerian yang gagal mencapai sasaran perbelanjaan pembangunan; dan
- (b) jumlah peruntukan pembangunan yang tidak dibelanjakan bagi setiap Kementerian yang berkenaan.

69. PN-1551-L15724

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kerajaan untuk menguruskan isu berkaitan pembinaan rumah ibadat bukan Islam yang kebanyakannya melibatkan punca kuasa negeri; dan
- (b) memandangkan banyak kes berkaitan pembinaan rumah ibadat bukan Islam yang tidak mempunyai kelulusan ini berkait dengan latar sejarah yang panjang dan kompleks, apakah mekanisme dialog yang disediakan oleh Kerajaan untuk mencapai penyelesaian yang adil dan profesional tanpa perlu berlakunya cetusan isu perkauman dan agama.

70. PN-1551-L15625

Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan supaya proses pengeluaran kad orang kurang upaya (OKU), termasuk pendaftaran baharu dan penggantian kad yang hilang, diselaraskan atau diambil alih oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), memandangkan proses pengurusan sedia ada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) didapati mengambil masa yang lama dan menyukarkan golongan OKU; dan
- (b) adakah Kerajaan turut mempertimbangkan penyepaduan status OKU ke dalam MyKad, termasuk paparan kategori OKU, bagi membolehkan golongan OKU hanya menggunakan satu kad pengenalan rasmi tanpa perlu membawa Kad OKU berasingan, sekali gus memudahkan urusan harian dan pengesahan status mereka.

71. PN-1551-L15571

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang telah diselesaikan berbanding dengan keseluruhan isu yang dibincangkan dengan memberikan maklumat terperinci mengenai isu-isu tersebut.

72. PN-1551-L16418

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah sebenar pemohon yang berasal daripada komuniti India, termasuk pecahan berdasarkan negeri serta tarikh kelulusan daripada 34,423 permohonan kewarganegaraan Malaysia yang telah diluluskan sejak 2022 hingga 2025.

73. PN-1551-L16282

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan selanjutnya terhadap sekumpulan lelaki Muslim yang disyaki terlibat dalam aktiviti tidak bermoral LGBT di sebuah kelab kesihatan di ibu negara pada Disember 2025.

74. PN-1551-L15642

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kerajaan mempunyai data terkini peningkatan kesihatan mental golongan muda mengikut umur dan lokaliti, serta bagaimana dapatan ini mempengaruhi perancangan dasar nasional.

75. PN-1551-L15734

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memperkasa pengurusan wakaf dan zakat di bawah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dalam menyumbang kepada pengukuhan ekonomi umat Islam di samping memberikan nilai tambah kepada kestabilan sosioekonomi negara secara menyeluruh, selari dengan agenda YB Menteri untuk menampilkan imej Islam sebagai rahmah, inklusif dan berkemajuan.

76. PN-1551-L16304

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian dalam menangani isu tekanan kerja, *burnout* dan kesihatan mental dalam kalangan petugas kesihatan awam.

77. PN-1551-L16085

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah mekanisme penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam pengurusan ladang babi termasuk aspek penempatan, kawalan pencemaran, keselamatan kesihatan awam serta memastikan tiada ketegangan atau ketidakadilan terhadap komuniti majoriti Muslim seperti yang dilaporkan berlaku di Bukit Tagar baru-baru ini.

78. PN-1551-L15626

Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sama ada terdapat perancangan Kerajaan untuk memperkenalkan kertas undi dalam bentuk Braille atau mekanisme pengundian lain yang lebih mesra OKU bagi memudahkan proses pengundian mereka; dan
- (b) mohon dinyatakan perancangan serta langkah-langkah yang sedang dan akan diambil.

79. PN-1551-L15535

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk membaik pulih bangunan-bangunan lama yang bersejarah, khususnya di Bandar Taiping seperti bekas Bangunan Mahkamah Lama untuk dijadikan Pasar Seni atau medan selera bagi menjadikannya pusat tarikan pelancong.

80. PN-1551-L16374

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk menambah baik mekanisme penahanan sebelum bicara *pre-trial detention*, termasuk sekiranya jaminan sebelum tangkapan *anticipatory bail* akan diperkenalkan.

81. PN-1551-L16343

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah konkrit kerajaan bagi menyelaraskan pentadbiran agama Islam Persekutuan dan Negeri supaya tidak berlaku percanggahan dasar dan kekeliruan fatwa dalam isu semasa.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Tuan Niran Tan Kran** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah [23 Februari 2026]**

- | | | | |
|----|------------------|--|---------------------------------|
| 2. | *(D.R.44/2025) | Rang Undang-undang Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 | Bacaan Kali Yang Pertama |
|----|------------------|--|---------------------------------|

[Jabatan Perdana Menteri]

- | | | | |
|----|-----------------|--|---------------------------------|
| 3. | *(D.R.1/2026) | Rang Undang-undang Rapid Transit System Link Johor Baru-Singapura 2026 | Bacaan Kali Yang Pertama |
|----|-----------------|--|---------------------------------|

[Menteri Dalam Negeri]

- | | | | |
|----|-----------------|---|---------------------------------|
| 4. | *(D.R.2/2026) | Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026 | Bacaan Kali Yang Pertama |
|----|-----------------|---|---------------------------------|

[Menteri Kewangan]

5. *(D.R.3/2026) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2026 **Bacaan Kali Yang Pertama**
- [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]**
6. *(D.R.25/2025) Rang Undang-undang Pembaharuan Semula Bandar 2025 **Bacaan Kali Yang Pertama**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
7. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Yang Pertama**
- [Jabatan Perdana Menteri]**
8. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
9. *(D.R.4/2026) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2026 **Bacaan Kali Yang Pertama**
- [Jabatan Perdana Menteri]**

10. *(D.R.5/2026) Rang Undang-undang Perlembagaan
(Pindaan) (No.2) 2026 **Bacaan Kali
Yang
Pertama**

[Jabatan Perdana Menteri]

11. *(D.R.6/2026) Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2025) 2026 **Bacaan Kali
Yang
Pertama**

[Menteri Kewangan]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 1	Laporan Ketua Audit Negara Bilangan 1/2026 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2024	24 Februari 2026
CMD. 2	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan	24 Februari 2026
CMD. 3	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Johor	24 Februari 2026
CMD. 4	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Kedah	24 Februari 2026
CMD. 5	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Kelantan	24 Februari 2026
CMD. 6	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Melaka	24 Februari 2026
CMD. 7	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Sembilan	24 Februari 2026
CMD. 8	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Pahang	24 Februari 2026
CMD. 9	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Perak	24 Februari 2026
CMD. 10	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Perlis	24 Februari 2026
CMD. 11	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Pulau Pinang	24 Februari 2026
CMD. 12	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Sabah	24 Februari 2026

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 13	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Sarawak	24 Februari 2026
CMD. 14	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Selangor	24 Februari 2026
CMD. 15	Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 Negeri Terengganu	24 Februari 2026
CMD. 16	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2025	24 Februari 2026
CMD. 16A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2025 Bagi Kerajaan Malaysia	24 Februari 2026